

Headline	Program kikis persepsi negatif		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	19	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	327 cm ²
Journalist	Nur Fatin Mohd Satar	AdValue	RM 11,229
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,687



Program kikis persepsi negatif

➔ Rumah terbuka Semanis Syawal beri harapan pesakit HIV, AIDS

Oleh Nur Fatin Mohd Satar dan Aniqah Sazale
bhnews@bh.com.my

► Ampang

Sudah 12 tahun seorang gadis berusia 18 tahun tidak pernah menyambut atau menghadiri sambutan rumah terbuka berikutan persepsi negatif masyarakat terhadap penghidap HIV dan AIDS.

Namun, Aidilfitri kali ini memberi sinar baharu buatnya berpeluang merasa kemeriahan berhari raya apabila Rumah Solehah Kampung Pandan, mengadakan Rumah Terbuka Hari Raya Semanis Syawal di sini, semalam.

Dia teruja apabila ramai tetamu yang datang serta bersyukur dengan penganjur yang bermurah hati dan sanggup menganjurkan majlis berkenaan, sekali gus menangkis persepsi negatif masyarakat yang sering kali menghantui penghidap HIV dan AIDS.

Ubah tanggapan

Katanya, penganjuran rumah terbuka ini membuktikan tanggapan orang ramai perlu diubah supaya golongan penghidap HIV/AIDS tidak lagi rasa tersisih oleh masyarakat.

“Saya rasa seperti dihargai dan diterima masyarakat apabila dijemput menghadiri jamuan rumah terbuka ini. Tetamu yang hadir amat mengambil berat dan begitu mesra. Saya berharap, program sebegini dapat meningkatkan keyakinan masyarakat, termasuk penghidap HIV/AIDS untuk berinteraksi sesama sendiri,” katanya ketika ditemui di Rumah Terbuka Hari Raya Semanis Syawal di Rumah Solehah Kampung Pandan, di sini, semalam.

Gadis berasal dari Perak itu sedang menjalani rawatan susulan tiga bulan sekali di Hospital Kuala Lumpur (HKL) bagi memeriksa

tahap kesihatannya.

Selain meraikan 50 anak yatim dari Rumah Baitus Sakinah Wal Mahabbah, Sepang, termasuk penghidap HIV/AIDS dari Rumah Solehah, majlis berkenaan bertujuan mengubah persepsi masyarakat golongan berkenaan.

Hasil kutipan sepanjang rumah terbuka itu sebanyak RM50,000 disalurkan kepada kedua-dua pertubuhan.

Rumah Solehah yang ditubuhkan pada 1998 mempunyai lebih 100 wanita dan 50 kanak-kanak penghidap HIV dan AIDS.

Rumah pertubuhan itu juga pernah menerima penghargaan istimewa iaitu Anugerah Tun Dr Siti Hasmah pada 2004 yang mengiktiraf kecemerlangan dalam penjagaan dan sokongan penghidap HIV dan AIDS pada peringkat akar umbi.

Headline	Program kiris persepsi negatif		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	19	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	327 cm ²
Journalist	Nur Fatin Mohd Satar	AdValue	RM 11,229
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,687



Penganjur Rumah Terbuka Semanis Syawal, Nik Mohd Daniel Abdul Rahman (kanan) menyampaikan duit raya sempena Rumah Terbuka Hari Raya Semanis Syawal di Rumah Solehah Kampung Pandan, Ampang, semalam.